

20/06/1999

Ada sebab kalau Dr Mahathir `phobia'

SEKARANG ini di mana pun Kiau hinggap, Kiau dengar orang bercakap fasal `phobia'. Di kampung, di bandar, dalam teksi, atas kapal terbang, semua orang cakap mengenai `phobia'.

Mereka kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada banyak `phobia' - mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim, `phobia' mengenai media asing dan `phobia' mengenai penjajahan bentuk baru oleh Barat.

Kiau pun tidak pasti sama ada orang yang tuduh Dr Mahathir `phobia', faham apa makna `phobia' sebenarnya dan mendalami watak serta pemikiran Perdana Menteri.

`Phobia' ini bahasa Inggeris, yang maksudnya ketakutan atau kebencian luar biasa dan berpanjangan terhadap sesuatu. Jadi, Kiau percayalah kalau orang kata Dr Mahathir ini `phobia' mengenai penjajah bentuk baru fasal dia pernah hidup di bawah penjajahan. Mula-mula Inggeris lepas itu Jepun dan balik semula kepada Inggeris. Selain itu, dia juga mendalami sejarah bangsa Melayu yang selama 446 tahun dijajah, bermula dengan Portugis pada tahun 1511.

Tapi Kiau taklah boleh percaya yang Dr Mahathir ini ada `phobia' mengenai Anwar fasal dialah yang bawa Anwar masuk Umno pada 1982. Masa itu dia sudah Perdana Menteri. Sudah rasa asam garam politik sedangkan Anwar baru memimpin pertubuhan belia dan tengah berfikir sama ada hendak masuk Umno atau Pas.

Yang Dr Mahathir bercakap sekarang ini bukanlah penjajahan seperti yang kita baca dalam sejarah - macam Portugis serang Melaka, Belanda takluk Indonesia, Perancis landa Benua Afrika dan Jepun rampas Manchuria.

Zaman itu sudah berlalu. Bangsa-bangsa penjajah pun tahu mustahil boleh menjajah semula negara-negara lain dengan kuasa tentera dan tipu daya, tapi mereka tahu dan orang kita yang cerdik pun tahu bahawa penjajahan dan penaklukan boleh berlaku dalam bentuk lain.

Mereka boleh menjajah kita dengan menguasai fikiran kita. Mereka juga boleh menjajah kita dengan menguasai ekonomi kita. Mereka boleh menjajah kita dengan memberi bantuan dan pertolongan kepada kita.

Mereka boleh menjajah kita dengan melemahkan ekonomi kita, kemudian memaksa kita menjual harta benda kita kepada mereka dengan harga yang murah.

Itulah yang mereka paksakan ke atas Korea Selatan, Negeri Thai dan Indonesia melalui Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Walaupun ekonomi Korea dan Negeri Thai mula pulih, banyak syarikat mereka terpaksa dijual kepada orang asing dengan murah.

Barat boleh takluk kita dengan mempengaruhi pemikiran kita supaya berasa rendah diri dan menerima mereka sebagai lebih bijak daripada kita.

Mereka juga boleh menguasai kita dengan memperkotak-katikan atau memeras ugut pemimpin-pemimpin kita.

Kita sudah tengok macam mana diktator, pemimpin yang tidak demokratik hatta pemimpin Islam yang fanatik sekalipun mendapat sokongan Barat asalkan sanggup mengikut telunjuk mereka.

Tak payah pergi jauh. Tengok sajalah macam mana Amerika sokong Presiden Suharto selama lebih 30 tahun dan bersekongkol dengan Marcos. Tetapi apabila Marcos dan Suharto tidak dapat lagi mewakili kepentingan mereka, Amerika turut mengutuk mereka.

Kiau rasa mimpi terindah Amerika ialah menjadikan Malaysia dan Indonesia bonekanya kerana inilah dua negara Islam yang sangat unik di dunia.